



**PERDANA** Menteri berbual dengan Ketua Hakim Negara, Raja Tun Azlan Shah dan peguam Marina Yusof selepas merasmikan Persidangan Undang-Undang Malaysia Ketujuh di Kuala Lumpur semalam. — Gambar Berita Harian.

# Dr M: Kuasa Darurat masih diperlukan

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak nampak sebarang alasan untuk menolok Kuasa-Kuasa Darurat yang ada sekarang memandangkan keadaan yang sedang dialami ketika ini.

Perdana Menteri memberitahu lebih 500 peguam yang menghadiri majlis pembukaan Persidangan Undang-Undang Malaysia Ketujuh anjuran Majlis Penguam di sebuah hotel di sini:

"Sedang saudara-saudara dan saya ada dalam selamat di dewan ini, ramai anggota tentera kita sedang berjuang di dalam hutan, melawan satu peperangan yang nyata di mana kematian boleh datang dengan tiba-tiba dan anggota tubuh hilang kerana jerangkap samar dan sebagainya."

Beliau berkata, jika keadaan kelihatan tenang di kawasan-kawasan yang berpenduduk ramai, ia adalah disebabkan pasukan keselamatan sedang mencurahkan titik peluh di dalam hutan dan Kuasa-Kuasa Darurat sedang dikuatkuasakan.

Menurutnya, oleh kerana satu daripada kertas kerja yang akan dibincangkan dalam persidangan itu ialah mengenai Kuasa-Kuasa Darurat dan Peraturan Undang-Undang, mereka adalah bebas untuk mengkritikinya.

"Tetapi jangan lupa bahawa kita memang sedang menghadapi satu keadaan darurat," tegas beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan bahawa mereka berhak mengemukakan pandangan tetapi dalam pada itu mereka mesti

sedar bahawa kuasa-kuasa darurat direka untuk satu keadaan khas.

Sambil menyebut pepatah Melayu 'bagi betis hendak peha', Perdana Menteri berkata: "Pada satu masa ketika kita tidak begitu liberal, kita diminta supaya liberal sedikit."

"Sekarang apabila kita bersikap liberal, kita diberitahu bahawa ia tidak mencukupi. Kita perlu berbuat lebih dari itu. Kita diminta menghapuskan kuasa-kuasa tahanan dan undang-undang darurat sepenuhnya."

Beliau berkata, tahanan pencegahan nampaknya tidak begitu diterima oleh kebanyakan orang, tetapi kepada mereka yang diancam, ia tidak kelihatan begitu tidak wajar.

Menurut Perdana Menteri, adalah menarik untuk mengkaji hasil pembebasan penganas-penganas dan pembunuh ke dalam masyarakat.

"Namun begitu kita berhasrat untuk mempercayai kebaikan penting pada semua orang, hakikatnya masih kekal bahawa penjenayah-penjenayah kejam, pembu-

nuh dan penganas tetap wujud.

"Mereka tidak hirau pada bentuk undang-undang yang menegah orang lain," ujarnya.

Terdahulu dari itu, Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Encik P. Cumaraswamy dalam ucapannya berkata, Malaysia adalah salah satu daripada segelintir negara dalam dunia demokrasi yang mempunyai keadaan darurat yang seolah-olah berkekalan.

Katanya, keadaan darurat yang berpanjangan adalah merbahaya kerana orang ramai akan menjadi biasa dengannya dan apabila sesuatu malapetaka yang serius berlaku dan darurat seterusnya disiytharkan mereka tidak akan mengetahui perbezaannya.

Beliau berkata, "Sementara kita menghargai alasan-alasan kerajaan, tetapi adalah perlu untuk sentiasa mengingatkan kerajaan bahawa keadaan darurat bertujuan membolehkan kerajaan melawan sesuatu bencana yang khusus dan apabila peristiwa itu tamat, pengisytiharan darurat hendaklah dibatalkan."

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia